

92 Buah Sekolah Capai Sasaran Dalam Tawaran Baru - Muhyiddin Bernama
13 September , 2011

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Sebanyak 92 sekolah menengah atau 4.2 peratus daripada 2,204 sekolah menengah di seluruh negara telah mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan Kementerian Pelajaran dalam Anugerah Tawaran Baru kepada Pengetua (Sekolah Menengah) tahun 2010.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kementerian berpuas hati dengan hasil pencapaian 4.2 peratus itu kerana ia mengatasi sasaran awal kementerian iaitu 2 peratus.

"Kementerian berharap jumlah itu akan meningkat dan lebih cemerlang pada tahun hadapan dan demi memastikan sasaran tercapai sepenuhnya, kementerian akan memastikan semua sekolah menengah dan rendah yang masih ketinggalan dari segi prestasi pendidikan, diberi perhatian.

"Program Pembangunan Sekolah yang dilancarkan tahun lepas akan memastikan sasaran kementerian untuk meningkatkan prestasi semua sekolah di seluruh negara tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Tawaran Baru kepada Pengetua (Sekolah Menengah) dan Guru Besar (Sekolah Rendah) Bidang Kerberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan 2010 di Bahagian Teknologi Pendidikan, Bukit Kiara di sini, Selasa.

Turut hadir Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Abd Ghafar Mahmud dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Datuk Dr Rosli Mohamed.

Muhyiddin juga berkata 16 buah sekolah menengah telah mencapai skor komposit sekurang-kurangnya 88 peratus selepas dinilai oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran.

"Apa yang membanggakan, 55 buah sekolah menengah (59.78 peratus) di luar bandar dan sebuah sekolah di pedalaman, Sekolah Menengah Desa Wawasan, Tambunan, Sabah, berjaya menerima ganjaran tawaran baru ini daripada jumlah 92 buah sekolah yang mencapai sasaran prestasi oleh kementerian," katanya.

Muhyiddin berkata semua pengetua menerima Anugerah Tawaran Baru tahun 2010 akan menerima ganjaran kewangan berjumlah RM7,500 dan Sijil sebagai mengiktiraf kejayaan mereka dalam mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan.

Ditanya mengenai perkembangan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, Muhyiddin berkata beliau masih belum menerima laporan penuh mengenainya. Bagaimanapun kementerian akan memastikan guru-guru yang dibawa dari United Kingdom tahun ini dapat membantu guru-guru Bahasa Inggeris di seluruh negara.

Tahun depan, kira-kira 300 guru dari Amerika Syarikat akan turut memberi khidmat mereka di sekolah-sekolah di seluruh negara dalam program 'Fulbright English Teaching Assistance',

katanya.

Mengenai cadangan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau berkata ia masih di peringkat kajian dan akan diumumkan kementerian sekiranya ia dilaksanakan kelak.

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=613228>